

48

**SOALAN NO. 219**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai projek pembangunan berorientasikan transit (TOD) adalah seperti berikut:-

Projek	Lokasi/Stesen	Nama Syarikat/Pemaju	Nilai Pembangunan Kesarifan (RM)	Tangga Siap
KTM	KL Eco City	KL Eco City Sdn Bhd	2 billion	Jun 2018
LRT	Dang Wangi	Intan Sekitar Sdn Bhd (Crest Builder International)	1.03 billion	2023
LRT	Ara Damansara (Fasa 1)	ADS Projek Sdn Bhd (Trans Resources Corp Berhad)	687.59 juta	2022
LRT	IOI Puchong	IOI Properties Empire Sdn Bhd (IOI Properties Berhad)	494.9 juta	2022
LRT	Awan Besar	Brilliant Corridor Sdn Bhd (Juta Asia Sdn Bhd)	591.46 juta	2023
LRT	Glenmarie	TCB Ventures Sdn Bhd	4.13 billion	2022
Monorel	Tun Sambanthan (Fasa 1)	Bina Puri Development Sdn Bhd	800 juta	2022

Walau bagaimanapun, disebabkan projek TOD MRT masih berada dalam perancangan, maklumat yang berkenaan kini sedang dikaji.

Sekian, terima kasih.

RT18/220

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]  
DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai SJK(C) yang menerima pembekalan peralatan ICT dan guru komputer dari Kementerian, dan SJK(C) yang tidak berbuat demikian, serta apakah syarat sesebuah SJK(C) untuk melantik pembekal peralatan ICT sendiri dan kontraktor sendiri bagi menjalankan kelas komputer berbayar dalam jadual waktu sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembekalan peralatan ICT ke sekolah SJK(C) seluruh negara adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah SJKC
Johor	239
Kedah	89
Kelantan	14

Melaka	65
Negeri Sembilan	82
Pahang	74
Perak	185
Perlis	10
Pulau Pinang	90
Sabah	83
Sarawak	220
Selangor	112
Terengganu	10
W.P Kuala Lumpur	42
W. P. Labuan	2
<b>Jumlah</b>	<b>1317</b>

50  
Pihak sekolah boleh melaksanakan kelas komputer melalui penubuhan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah di bawah aktiviti kokurikulum dan boleh dikenakan bayaran berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 13/2007 Pemansuhan Yuran Khas dan Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan Kepada Perkhidmatan dan Kemudahan di Sekolah-sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan dan Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil: 8/2000 Panduan Penubuhan dan Pengurusan Kelab Komputer/Teknologi Maklumat Sekolah. Walau bagaimanapun, kelas komputer ini tidak boleh dilaksanakan dalam jadual waktu persekolahan.